

SULIT



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

September

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
- 2. Jawab semua soalan*
- 3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
- 4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

SULIT

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang punca-punca berlakunya kes rumah terbengkalai di negara ini dan kesan-kesan yang timbul daripada masalah tersebut. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Laporan media tentang rumah terbengkalai sering mengundang 1001 persoalan. Pembeli rumah menjadi mangsa dan pihak berkuasa *seolah-olah hilang taring*, manakala pihak pemaju hanya mendiamkan diri. Rumah-rumah terbengkalai seolah-olah menunjukkan nasib pembeli tiada pembelaan daripada mana-mana pihak. Sejauh manakah undang-undang negara ini memberikan pembelaan yang sewajarnya kepada pembeli? Masalah rumah terbengkalai di Malaysia bertambah serius berdasarkan statistik terbaharu yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sebanyak 90 660 unit rumah dilaporkan terbengkalai dari 1990 hingga Jun 2007. Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 35 767 unit rumah diikuti Pulau Pinang, Johor, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Menurut Pengarah Bahagian Pengawasan dan Penguasaan KPKT, Wan Husin Wan Hassan, masalah timbul apabila terlalu banyak projek perumahan dilaksanakan sedangkan KPKT kekurangan pegawai penguat kuasa. Hal ini akan menyebabkan pengawasan terpaksa dibuat secara rawak sahaja. Terdapat juga projek perumahan yang tidak dipantau oleh pegawai penguat kuasa. Kes rumah terbengkalai banyak mendedahkan sikap pemaju perumahan yang mengambil sikap acuh tak acuh. Setelah mendapat bayaran daripada pembeli menerusi pinjaman kewangan, rumah yang dijanjikan hanya tinggal ceracak besi buruk di kawasan pembinaan. Kes yang dilaporkan kepada pihak berkuasa sering menemui jalan buntu.

Pada 1990-an, kerajaan mengambil pendekatan yang serius terhadap isu perumahan. Namun, masalah perumahan masih belum dapat diselesaikan. Pihak kerajaan mengkaji kaedah “bina dan jual” rumah bagi mengatasi masalah ini. Kaedah ini berbeza daripada yang diamalkan sebelum ini iaitu “jual sebelum rumah dibina”. Hal ini memaksa pihak pemaju menyiapkan rumah dalam tempoh yang ditetapkan. Pada 21 Ogos 1997 pula, kerajaan juga telah menubuhkan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), sebuah syarikat yang dikendalikan oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) yang menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti kepada setiap keluarga di negara ini, sejajar dengan Polisi Perumahan Negara.

Semua pihak terlibat dalam isu ini termasuklah pihak berkuasa tempatan, kerajaan negeri, dan kerajaan persekutuan. Namun, ketiga-tiga agensi ini didapati tidak mempunyai kuasa mutlak yang boleh melindungi nasib pembeli. Mereka kekurangan kuasa untuk mendakwa pihak pemaju yang gagal menyiapkan sesuatu projek. Tindakan yang boleh diambil adalah dengan menyenaraihitamkan syarikat pemaju atau dikenakan kompaun. Rumah terbengkalai turut dikaitkan dengan sikap pemaju perumahan yang tamak membina rumah pada harga yang tinggi dan mewah untuk memenuhi permintaan pihak tertentu serta menguntungkan mereka. Pihak pemaju kurang berminat membina rumah kos rendah pada harga antara RM35 ribu hingga RM60 ribu. Akibatnya rumah kos rendah terus dipinggirkan dan terbengkalai.

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana
“Pembeli Tertipu Pemaju Terus Membisu”
oleh Ibrahim Musing, Dewan Masyarakat,
Disember 2007)

Soalan 2 : Pemahaman**Soalan 2 (a) Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *seolah-olah hilang taring*.
[2 markah]
- (ii) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah perumahan?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, adakah wajar tindakan kerajaan menyediakan rumah untuk golongan miskin di negara ini?
[4 markah]

Soalan 2(b) Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

TUN PERPATIH PUTIH: Ampun Tuanku Puteri, patik membawa junjungan Duli Tuanku Sultan untuk menasihati Tuanku Puteri darihal adat menghadap ke balai penghadapan. Patik dititah Tuanku Sultan supaya mengajar Tuanku Puteri akan tatacara mengadap baginda untuk anugerah kehormat gelaran Hang kepada Tuanku Puteri. Setelah Tuanku Puteri dijelaskan segala atur cara kelak, nanti patik masih ada untuk mengiringi Tuanku Puteri bagi saat penghormatan diri Tuanku Puteri ke seluruh negara.

PUTERI HANG LI PO : (Dengan sinis) Alangkah gembiranya beta dan ayahanda beta Raja Cina nanti.

TUN PERPATIH PUTIH: Mohon ampun Tuanku Puteri, patik kurang arif akan maksud Tuanku Puteri itu.

PUTERI HANG LI PO : (Sambil memberi senyuman sinis) Ya, Orang Kaya, bukannya penghormatan itu diberi sempena keberangkatan Panglima Di Po kembali ke negara China? Dan beta dengar ia julung-julung kali diberikan kepada seorang wanita. Apakah kepahlawanan yang ada pada beta?

TUN PERPATIH PUTIH: Percayalah Tuanku Puteri bahawa penganugerahan ini sungguh sesuai dengan Tuanku Puteri yang bakal menerimanya. Tuanku Sultan dan patik sekalian sangat mengagumi ketabahan Tuanku Puteri memulai hidup di sebuah negara yang sungguh asing dalam segala tindak tanduknya. Tuanku Puteri bukan saja telah berjaya menyesuaikan diri malah telah dapat menguasai bahasa negeri ini tanpa banyak bicara. Ke Bawah Duli Tuanku Sultan berpendapat, ini adalah satu contoh kepahlawanan Tuanku Puteri menghadapi masalah hidup. Oleh itu, Tuanku Puteri, sebenarnya anugerah itu sudah sepatutnya Tuanku Puteri.

(Dipetik daripada *Puteri Hang Li Po* dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Puteri Li Po dianugerahi gelaran 'Hang'? [3 markah]
- (ii) Sekiranya anda seorang pemimpin negara, apakah anugerah yang patut dikurniakan kepada rakyat yang berjasa kepada masyarakat dan negara? [3 markah]
- (iii) Jelaskan satu persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan dua lagi persoalan lain dalam drama. [3 markah]

Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah hari pun malamlah, ia pun datang kepada sarang bayan itu. Lalu ditutupnya lubang bayan itu. Setelah hari siang, maka burung bayan itu pun hendak keluar, dilihatnya pintu lubangnya tumpat ditutup orang. Maka kata bayan, "Hai anakku, apatah kataku? Bahawa sesungguhnya bencana ini daripada cerpelai juga datangnya, tetapi marilah kita muafakat, apabila datang budak itu hendak mengambil kita, maka kita bermatikan diri kita."

Setelah sudah tinggi hari, maka budak itu pun datanglah hendak mengambil bayan itu. Maka segala bayan itu pun bermatikan dirinya. Maka pada hati budak itu, "Sungguhlah mati bayan ini, oleh kerana aku lambat datang, lubangnya pun aku tutup; itulah sebabnya maka ia mati."

Lalu dibuangkan ke tanah segala burung bayan itu. Maka tinggal seekor lagi bayan yang tua itu.

Arakian, setelah bayan yang banyak itu habis jatuh ke tanah berkaperan, maka terbanglah sekaliannya. Setelah dilihat oleh budak itu akan kelakuan bayan itu, maka ia pun marahlah, lalu turun ke tanah, katanya, "Binatang haram jadah ini, ditipunya kita, pura-pura mematikan dirinya. Aku lontarkan ke tanah berkaperan seperti bangkai lalu ia terbang habis. Tetapi baiklah yang tinggal ini kubunuh juga, baharu puas rasa hatiku."

Maka diambilnya bayan tua seekor yang tinggal itu hendak disembelihnya. Maka kata bayan itu, "Hai budak, jika engkau bunuh aku, tiadalah akan kenyang engkau makan dagingku yang sekepal ini, melainkan engkau jualkanlah aku ini dengan harga dua ribu dinar boleh engkau makan sampai anak cucumu!

(Dipetik daripada
Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu
Bapanya dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah yang dilakukan oleh burung bayan yang menyebabkan budak itu marah? [2 markah]
- (ii) Pada fikiran budak itu, mengapakah burung-burung bayan tersebut sudah mati? [2 markah]
- (iii) Sekiranya anda budak itu, apakah tindakan yang akan diambil terhadap bayan tua? [4 markah]

Soalan 2(d) Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SYAIR KELEBIHAN ILMU

Ilmu itulah gemala sakti,
Sinarnya cerah cahaya sejati,
Asal puncanya lamun didapati,
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat dinilai,
Sebuah dunia belinya bukan,
Kuasanya besar sukat digunakan,
Di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seorang ialah taulan,
Teman berbeka suluh berjalan,
Masa berhimpun ia pengenalan,
Hias penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,
Ia penerang bagi yang kabur,
Ialah kandil di dalam kubur,
Lamun dengannya beramal subur.

Ia penerang jalan ke syurga,
Ia pemuas tekak yang dahaga,
Ialah sungai ialah telaga,
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,
Idaman orang yang bijaksana,
Hamparnya luas amat saujana,
Tepinya ajal sempadannya fana.

Za'ba

Puisi Warisan, 1994.

Antologi *Kerusi*,

Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Apakah maksud rangkap kedua syair di atas? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menuntut ilmu? [3 markah]
- (iii) Huraikan pengajaran-pengajaran yang boleh didapati daripada syair tersebut. [4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap kata atau frasa di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) daya saing
- (ii) cetak rompak
- (iii) berbelah bahagi
- (iv) bercampur aduk
- (v) mengambil alih
- (vi) membaik pulih

[6 markah]

(b) *Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian gabungkan ayat-ayat dalam petikan itu menjadi **tiga** ayat sahaja dengan mengekalkan susunan dan maksud asalnya.*

Batu kristal yang terdapat di Gunung Keriang dipercayai yang terbaik. Batu kristal yang terbaik dan dikatakan 'hidup' jika dijaga dengan baik. Batu kristal akan tumbuh dan berkilau terutama apabila terkena cahaya lampu. Batu kristal yang hidup mengambil masa agak lama untuk tumbuh. Pembeli perlu menyembur air bersih, seelok-eloknya dua kali seminggu. Air hujan atau air mineral adalah air yang paling sesuai untuk disemburkan pada batu kristal.

[6 markah]

(c) *Dalam petikan di bawah terdapat **tiga** kesalahan ejaan dan **tiga** kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Kerajaan akan mendakwa penyakit Influenza A (H1N1) yang didapati sengaja cuba menyembunyi maklumat lengkap mengenai kontak mereka kerana perbuatan itu boleh mengancam keselamatan negara. Menteri Kesihatan merasa kecewa kerana pesakit kes tersebut tidak mengishtiharkan salah seorang daripada kontak mereka. Pesakit yang disahkan dijangkiti H1N1 perlu memberitahu semua maklumat kontak supaya pengawasan dan kurantin awal dapat dilakukan seterusnya mengelak risiko penularan wabak tersebut kepada orang lain.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Amalan hidup gaya mewah akan menjerat diri seseorang itu dengan banyak hutang serta mengorak langkah menuju kesenangan.
- (ii) Guru yang berkesan mengamalkan pendekatan yang berintegriti berbanding pendekatan di mana mementingkan arahan sahaja.
- (iii) Masyarakat dunia semakin keliru dengan penularan wabak maut yang berpenyakit.

[6 markah]

(e) *Nyatakan peribahasa yang mempunyai maksud yang sama atau hampir sama dengan peribahasa yang berikut.*

- (j) *bagai isi dengan kuku*
- (ii) *carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga*
- (iii) *lain padang, lain belalang*

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawapan mestilah berdasarkan satu daripada novel-novel berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussein
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Watak utama selalunya mengungguli penceritaan dalam sesebuah novel.
Bincangkan **dua** perwatakan watak utama berdasarkan novel yang anda pelajari.

[7 markah]

- (b) Dalam sesebuah novel terdapat nilai-nilai murni yang dapat dijadikan panduan oleh pembaca.
Huraikan nilai **kasih sayang** dan **baik hati** berdasarkan dua buah novel yang anda kaji.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT